

Risiko industri asas tani terhadap alam sekitar

Prof. Datuk Dr Zaini Ujang

Langkah Kerajaan Negeri Sembilan menguatkuasakan larangan pembukaan ladang ayam baru menjelaskan betapa sektor pertanian dan industri asas tani memerlukan pembaharuan, khususnya dari segi teknologi, amalan dan kaedah operasi.

Ketika ini, ladang ayam yang diusahakan secara konvensional mendatangkan masalah bau dan pembiakan lalat yang semakin membimbangkan, terutama di daerah peranginan Port Dickson, Seremban dan Rembau.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata larangan tersebut yang berkuat kuasa serta merta minggu lalu diambil setelah mengesahkan bahawa jumlah ladang ternakan sedia ada mencukupi bagi menampung bekalan dan permintaan. Menurut rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Negeri Sembilan antara negeri yang mempunyai ladang ayam terbesar di negara ini tetapi kebanyakan beroperasi secara berselerak serta berdekatan kawasan penempatan.

Masalah lalat jika tidak dibendung boleh menjejaskan industri pelancongan dan kesihatan awam. Mohamad berkata, kerajaan negeri juga mahukan penternak ayam sedia ada supaya tidak lagi menggunakan konsep reban terbuka atau konvensional, sebaliknya secara tertutup bagi mengatasi masalah lalat. Penternak sudah diberikan tempoh secukupnya selama empat tahun, termasuk tambahan setahun untuk mematuhi syarat berkenaan, tetapi hanya kira-kira 30 peratus sahaja yang sudah bertukar kepada konsep penternakan ayam melalui reban tertutup.

Langkah tersebut diambil selepas cadangan kerajaan negeri membuka ladang ayam berpusat di kawasan seluas 200 hektar bagi menggantikan ladang berselerak konvensional yang ternyata tidak mesra alam. Malangnya cadangan tersebut tidak mendapat sambutan penternak.

Menerusi cadangan awal itu, kerajaan negeri menyediakan ladang berkelompok yang jauh dari penempatan bagi mengatasi masalah lalat selain memudahkan pemantauan serta bantuan, terutamanya dari segi khidmat nasihat, kawalan penyakit serta pemasaran, termasuk industri hiliran. Kawalan pencemaran juga boleh dilaksanakan secara lebih efektif dan murah.

Situasi yang hampir sama berlaku dalam konteks penternakan babi di Sungai Tuang, Melaka. Industri ternakan tersebut berkembang pesat tetapi teknologi dan amalan operasinya masih menggunakan kaedah konvensional yang tidak mesra alam. Dalam konteks ini, ladang ternakan babi bukan sahaja mendatangkan masalah bau bahkan turut mencemarkan sungai menerusi pembuangan air sisa dari loji rawatan air sisa yang tidak mencapai standard

ditetapkan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Peraturan Efluen Industri dan Kumbahan, 1979).

Di kebanyakan negara maju ketika ini, masalah utama pencemaran alam sekitar, khususnya sungai tidak lagi disebabkan sumber berpusat (point sources) seperti premis industri dan loji pengolahan kumbahan. Sebaliknya punca pencemaran lebih tertumpu kepada sumber tidak berpusat (non-point sources), seperti baja dan racun rumpai dari ladang, efluen ladang ternakan, bau serta pembiakan lalat dari kawasan ternakan dan hakisan tanah.

Hal ini sedemikian kerana sumber berpusat mudah dikenalpasti dan dipantau. Selain itu, hampir semua punca berpusat dikawalselia menerusi pelbagai mekanisme yang efektif terutamanya perlesenan. Pada hemat saya, mekanisme perundangan kawalan pencemaran di Malaysia ketika ini masih tidak jelas dari segi peruntukan untuk menangani masalah pencemaran tidak berpusat.

Itulah sebabnya aktiviti ternakan, perladangan dan guna tanah sukar dikawalselia menggunakan peruntukan sedia ada dalam perundangan kawalan pencemaran atau pengurusan alam sekitar. Hal ini seringkali disuarakan pelbagai pihak termasuklah dalam ruangan ini, di samping persidangan, mesyuarat, forum dan ceramah. Namun tindakan pihak berkuasa masih tidak menyakinkan saya bahawa satu mekanisme dan inisiatif baru dapat diwujudkan dalam tempoh terdekat.

Ini kerana kebanyakan aktiviti yang menyebabkan pencemaran dari sumber tidak berpusat turut ditaja dan dikawalselia pelbagai agensi awam dan dilaksanakan secara kecil-kecilan oleh penduduk luar bandar. Malah ada antara projek tersebut dibiayai menerusi pelbagai kemudahan dan subsidi disediakan pihak kerajaan!

Sehubungan itu saya mencadangkan supaya satu mekanisme pengawalan sumber pencemaran tidak berpusat dirangka melibatkan pelbagai agensi seperti Kementerian Pertanian dan Asas Tani, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan pihak berkuasa tempatan. Ia juga perlu melibatkan pengurusan sisa pepejal sektor pertanian dan ternakan, khususnya najis dan buangan hasil ternakan. Mekanisme tersebut seharusnya tidak terlalu terikat kepada saiz operasi, status pengusaha dan modal projek. Yang penting semua aktiviti perlu dikawalselia supaya bersih, mesra masyarakat dan mesra alam.

Selain itu, pihak persatuan penternak, peladang dan pekebun pula perlu lebih kerap menjalankan aktiviti promosi dan latihan amalan pertanian lestari untuk manfaat ahli masing-masing. Amalan tersebut bukan sahaja bermanfaat kepada pengusaha sendiri bahkan kepada imej sektor pertanian dan asas tani negara ini selaras dengan hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjadikan sektor tersebut sebagai salah satu penjana pertumbuhan ekonomi negara.

Secara tersirat, langkah tegas kerajaan Negeri Sembilan sebagaimana diumumkan Mohamad itu bersifat proaktif dan futuristik. Langkah tersebut secara tidak langsung menegaskan bahawa sektor pertanian dan asas tani memerlukan anjakan paradigma untuk membolehkannya lebih kompetitif, berdaya maju, sekaligus mesra alam.

Prof. Datuk Dr. Zaini Ujang ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Teknologi Malaysia